

akan berdiskusi di negeri ini untuk supaya sesuatu bersedia mengna- pada pasaran luar," katanya.

## Tiada cuaca luar biasa di Malaysia - Mohd. Hisham

**KUALA LUMPUR 27 Feb.** - Jabatan Meteorologi menolak andaian segelintir pihak yang mendakwa negara akan mengalami cuaca luar biasa selepas berlakunya banjir besar di Pantai Timur pada akhir tahun lalu.

Pegawai Kanan Meteorologi, Pusat Cuaca Nasional, Dr. Mohd. Hisham Mohd. Anip berkata, kawasan Malaysia tidak akan lagi berada di garisan Khatulistiwa juga merupakan satu andaian semata-mata.

Tegas beliau, cuaca di negara ini untuk beberapa tahun sebelum ini serta akan datang adalah sama dan tiada apa-apa yang luar biasa diramalkan berlaku.

"Kepesatan teknologi dengan kemudahan pemindahan gambar dan data yang lebih cepat daripada seorang ke seorang membuatkan sesuatu situasi menjadi lebih diketahui berbanding sebelum ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Bengkel Cuaca Melampau dan Banjir; Siasatan Awal Berhubung Bencana Banjir di



MOHD. HISHAM MOHD. ANIP

Pantai Timur Malaysia di Universiti Malaya (UM).

Tambah Hisham, fenomena yang dikatakan panas dan sejuk melampau di sesetengah kawasan juga sering berlaku sebelum ini cuma perkara itu tidak mendapat publisiti secara meluas berbanding kebelakangan ini.

"Misalnya puting beliung di Kedah, kejadian itu sering berlaku di

kawasan berkenaan cuma tidak menjadi viral. Begitu juga dengan cuaca sejuk di Kuala Krai, Kelantan setiap tahun berlaku tetapi kebelakangan ini sahaja disensasikan.

"Apabila perkara ini disensasikan, maka timbulkan pelbagai andaian bahawa selepas ini negara akan mengalami salji pula dan negara akan tidak lagi berada di garisan Khatulistiwa," jelasnya.

Tambah Hisham, sudah menjadi kebiasaan dari Disember hingga Februari, negara akan mengalami suhu agak sejuk dan pertengahan Februari hingga April, suhu akan lebih tinggi disebabkan perubahan monsun.

"Sehubungan itu, tiada apa-apa yang pelik berlaku pada cuaca di negara kita, garisan Khatulistiwa juga tidak pernah bergerak dari kedudukan asalnya.

"Setakat ini suhu paling panas yang pernah dicatatkan di negara ini adalah setinggi 40 darjah Celsius di Perlis pada tahun 1998 ketika negara mengalami fenomena El-Nino," katanya.

## Perbanyakkan radar di tanah tinggi

**KUALA LUMPUR 27 Feb.** - Lebih banyak radar cuaca perlu ditempatkan di tanah tinggi berikutan kawasan tersebut dilihat sebagai 'titik-titik buta' kepada kerja-kerja bidang meteorologi yang menyebabkan ramalan cuaca di negara ini tidak dapat memberikan data tepat.

Timbalan Pengarah Institut Sains Samudera dan Bumi (IOES) Universiti Malaya (UM), Prof. Datuk Dr. Azizan Abu Samah berkata, model kajian dan ramalan cuaca (WRF) yang digunakan ketika ini kurang berkesan dalam membuat ramalan tepat terhadap kawasan daratan sekali gus mendedahkan negara kepada risiko banjir besar.

Katanya, sedangkan dengan adanya ramalan cuaca yang lebih baik, negara akan lebih bersedia untuk menghadapi banjir buruk seperti yang melanda di Pantai Timur akhir tahun lalu.

"Sebagai saintis, kita mahu melihat apakah mekanisme yang akan dilakukan selepas ini kerana model ramalan cuaca kini tidak boleh berfungsi dengan baik ke arah itu.

"Model yang ada menunjukkan

kebanyakan hujan masih berada di lautan tetapi sebenarnya, ukuran hujan tropika menggunakan satelit menunjukkan hujan berlaku di daratan iaitu di kawasan tanah tinggi. Jadi, kita kena memperbaiki model itu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada Bengkel Cuaca Melampau dan Banjir; Siasatan Awal Berhubung Bencana Banjir di Pantai Timur Malaysia di sini hari ini.

Dalam pada itu, Azizan menggariskan tiga faktor utama dipercayai menyebabkan berlakunya banjir besar tersebut iaitu pertama, serbuan angin sejuk atau 'cold surge' yang melanda negara-negara di benua Asia.

Katanya, serbuan angin itu bermula dari Siberia, melalui benua Asia seperti China, diikuti negara di sekitar Laut China Selatan dan akhirnya ke Malaysia di sebelah Pantai Timur dan lebih dikenali sebagai angin Monsun Timur Laut.

Beliau memberitahu, angin tersebut membawa bersama air yang tersejat dari Laut China Selatan dan dicurahkan ke kawasan Pantai Timur iaitu kawasan daratan yang

ditempuhi oleh angin tersebut.

"Apabila angin tersebut menempuh kawasan daratan setelah menyerap wap air yang banyak di sepanjang laluan Laut China Selatan, akan berlaku perolakan dan penumpuan justeru kawasan ini akan dilimpahi kadar hujan yang amat tinggi.

"Kehadiran angin sejuk yang sangat kencang juga menyebabkan air laut tertolak ke arah darat dan boleh dilihat menerusi kadar pukulan ombak di negeri-negeri Pantai Timur yang sangat kuat dan tinggi berbanding kebiasaan," katanya.

Jelas Azizan, faktor kedua ialah hujan lebat dalam tempoh lama iaitu dua hingga tiga hari secara berterusan menyebabkan sungai sedia ada tidak dapat menampung jumlah air yang terlalu banyak pada satu-satu masa.

"Yang terakhir adalah fenomena air pasang besar yang melanda negara berlaku serentak pada masa tersebut. Keadaan air pasang besar menyebabkan air sungai dari hulu tertampar seterusnya melimpahi kawasan rendah sekitar laluan-nya," katanya.